



SOALAN LAZIM (FAQ)
BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)
JABATAN HUTAN SARAWAK

1. **Adakah sektor perhutanan tertakluk kepada Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri?**

Ya. Semua kerja di sektor perhutanan tertakluk kepada PKPB yang dikeluarkan. Sarawak bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dengan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang disesuaikan berdasarkan keadaan di negeri ini.

2. **Adakah sektor perhutanan dibenarkan beroperasi dalam tempoh PKPB tersebut?**

Semua sektor perhutanan dibenarkan beroperasi sebelum ini tetapi kekal dengan kapasiti 50% tertakluk kepada syarat-syarat dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa.

3. **Apakah syarat-syarat lain yang dikenakan dalam sektor perhutanan?**

Syarat-syarat lain yang dikenakan adalah:

- (i) Tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak dan Pihak Berkuasa Tempatan yang berkuatkuasa;
- (ii) Operasi di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) atau Zon merah tidak dibenarkan;
- (iii) Penggunaan tenaga kerja dalam tempoh PKPB ini hanya dibenarkan 50% sahaja dan system giliran kerja akan digunakan. Sistem ini akan ditamatkan setelah mendapat arahan rasmi daripada Kerajaan Negeri;
- (iv) Semua peraturan-peraturan tetap semasa PKP akan diteruskan seperti memakai penutup muka (mask), penjarakansosial (social distancing), penggunaan 'hand sanitizer' dan sebagainya; dan

- (v) Dalam menjalankan kerja lapangan termasuk aktiviti penyelidikan dan pemeriksaan lapangan, kumpulan kerja hanya dibenarkan tidak melebihi lima (5) orang. Aktiviti perkumpulan yang melebihi lima (5) dalam menjalankan kerja lapangan adalah tidak dibenarkan.

(Nota: Syarat pada teks berwarna biru di atas adalah untuk kakitangan Jabatan sahaja)

4. Apakah aktiviti yang tidak dibenarkan dalam sektor perhutanan?

Aktiviti yang tidak dibenarkan dalam sektor perhutanan adalah merujuk kepada **senarai aktiviti dilarang yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kerajaan Negeri Sarawak** semasa PKPB seperti perhimpunan orang ramai.

5. Apakah subsektor, aktiviti dan siapa yang dibenarkan terlibat dengan kelonggaran di sektor perhutanan?

- (i) Untuk urusan pelesenan pembalakan:
 - (a) Pembaharuan lesen hanya dibenarkan untuk syarikat lesen pembalakan yang sah dan akan tamat;
 - (b) Semua dokuman berkaitan dengan urusan pembaharuan lesen hendaklah dikemukakan di Bahagian Pelesenan, Tingkat 8, Ibu Pejabat Jabatan Hutan Sarawak, Wisma Sumber Alam, 93050 Kuching pada hari bekerja dari Isnin hingga Jumaat mulai jam **9.00 pagi hingga 2.00 petang**; dan
 - (c) Sebarang surat permohonan berkaitan Jabatan Hutan boleh dihantar melalui faks ditalian 082-441377 atau terus menghubungi talian nombor 082-319101/319201 untuk sebarang pertanyaan.
- (ii) Urusan Operasi Pembalakan
 - a) Permohonan untuk *Log production Identity (LPI) range, pre- felling, PEC operation 5, Post logging Block Inspection (PLBI) dan Place of Royalty Marking (PoRM) dan Permit to enter coupe(PEC)* boleh dibuat di semua Pejabat Hutan Wilayah seluruh Sarawak ; dan
 - b) Pemohonan *Daily Production Return (DPR), Royalty Assessment, Transit Removal Pass(TRP), shut-out logs dan in- coming shipment* boleh dipohon di semua *One Stop Compliance Center (OSCC)* yang terdekat.

6. Adakah eksport dan import yang kayu balak semasa PKPB dibenarkan?

Ya. Eksport dan import kayu balak adalah tertakluk kepada peraturan semasa yang digariskan oleh Agensi Kerajaan seperti Jabatan Hutan Sarawak, Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kastam) serta syarat-syarat lain yang berkuatkuasa.

7. Apakah tindakan pencegahan perlu dilakukan di kawasan Operasi Perhutanan?

Tindakan pencegahan semasa operasi:

(i) Pemeriksaan kesihatan ke atas pelawat

- (a) Pelawat yang memasuki kawasan operasi perlu dihadkan dan mereka hanya dibenarkan memasuki kawasan operasi bagi tujuan yang perlu sahaja;
- (b) Tahap kesihatan semua pelawat hendaklah diperiksa dengan menggunakan *non-contact thermometer* dan diperiksa bagi simptom-simptom Covid-19; dan
- (c) Mana-mana pelawat yang telah dikenalpasti menunjukkan simptom-simptom Covid-19 tidak dibenarkan memasuki ke kawasan operasi.

(ii) Laporan kesihatan (di premis dan penginapan pekerja yang disediakan di syarikat)

- (a) Laporkan kepada pejabat kesihatan yang berdekatan sekiranya berlaku jumlah ketidakhadiran pekerja melebihi 5% daripada jumlah bilangan pekerja kerana demam atau bersimptom;
- (b) Pekerja yang mempunyai suhu badan 37.5° celsius ke atas atau menunjukkan sebarang simptom hendaklah dirujuk ke klinik panel syarikat atau klinik kesihatan yang berdekatan; dan
- (c) Pekerja tersebut tidak dibenarkan memasuki premis syarikat.

8. Apakah prosedur pencegahan yang perlu diambil bagi sektor operasi pembalakan?

a. Protokol pencegahan penyakit & sekatan

Majikan perlu menyediakan protokol di tempat kerja yang meliputi pengawasan penyakit dan pencegahan penyebaran jangkitan mengikut standard yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia.

b. Saringan kesihatan

- i. Menyediakan alat saringan suhu badan atau *thermal scanner* ;
- ii. Melaksanakan saringan bagi mengesan gejala berkaitan Covid-19 seperti demam, batuk, sakit tekak atau sesak nafas setiap hari; dan
- iii. Saringan perlu dilakukan setiap hari di pintu masuk pejabat/ premis.

c. Laporan kesihatan (di premis dan penginapan pekerja yang disediakan disyarikat)

- i. Laporkan kepada pejabat kesihatan yang berdekatan sekiranya berlaku jumlah ketidakhadiran pekerja melebihi 5% daripada jumlah bilangan pekerja kerana demam atau bersimptom;
- ii. Pekerja yang mempunyai suhu badan 37.5° celsius ke atas atau menunjukkan sebarang simptom hendaklah dirujuk ke klinik panel syarikat atau klinik kesihatan yang berdekatan; dan
- iii. Pekerja tersebut tidak dibenarkan memasuki premis syarikat.

9. Apakah tindakan yang boleh dikenakan sekiranya melanggar PKPB ini?

Kerajaan Negeri ingin menegaskan bahawa kelonggaran ini boleh dibatalkan dan ditarik balik sekiranya syarat-syarat yang ditetapkan tidak dipatuhi oleh pihak pemilik lesen pembalakan.

10. Siapakah yang boleh dihubungi bagi mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya ada sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi Unit Korporat dan Perhubungan Awam, Jabatan Hutan Sarawak di talian **082 - 319158** atau **082-442180 (operator telefon)** dari jam **8.00 pagi hingga 5.00 petang**.

Catatan:

- 1) *Adalah menjadi tanggungjawab bersama semua pihak untuk memahami dan mematuhi semua arahan semasa pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan juga SOP Pencegahan Covid-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk kita sama-sama mengurangkan risiko dan membendung penularan pandemik Covid-19 ini.*
- 2) *Sebarang perubahan terkini sejajar dengan arahan terbaru pihak MKN dan KKM akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.*

JABATAN HUTAN SARAWAK
12 MEI 2020



FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQ)
ON CONDITIONAL MOVEMENT CONTROL ORDER (CMCO)
FOREST DEPARTMENT SARAWAK (FDS)

1. Is the forestry sector subjected to the Conditional Movement Control Order (CMCO) announced by YAB Prime Minister?

Yes. All forestry sector activities are subjected to the CMCO announced. Sarawak agreed to carry out the CMCO with the standard operating procedure (SOP) on terms befitting the conditions in the state.

2. Is the forestry sector allowed to operate during the CMCO period?

The forestry sector was allowed to operate since before CMCO but with 50% capacity subjected to the terms and standard operating procedure (SOP) determined by the authorities.

3. What are the terms subjected to the forestry sector?

The terms are:

- i. Subjected to instructions from the Sarawak State Government and local authorities
- ii. **Operations in Enhanced Movement Control Order (EMCO) or red zones are not allowed**
- iii. **Workforce capacity during the CMCO is only allowed at 50% and a Work Rotation System will be used. This system will be lifted once there are official orders from the State Government**
- iv. **All guidelines during MCO will still be followed, including wearing protective masks, social distancing, usage of hand sanitizer and so on**
- v. **During field work for research or field surveys, teams are only allowed a maximum of 5 people**

(Note: Terms in blue are more applicable for FDS staff)

4. What activities are not allowed in the forestry sector?

Activities that are not allowed in the forestry sector are listed in the prohibited activities list by the Malaysian National Security Council (NSC) and Sarawak State Government during the CMCO such as public gatherings.

5. Who and what sub-sectors and activities in the forestry sector are included in the ease of MCO?

(i) For timber licence matters:

- (a) Renewal of licence is only allowed for companies with valid and expiring licences
- (b) All documents related to matters of licence renewal must be submitted to Licensing Division, Level 8, Forest Department Sarawak Headquarters at Wisma Sumber Alam, 93050 Kuching during business hours from Mondays to Fridays **9am to 2pm**
- (c) All application letters can be sent through fax at 082 – 441377 or contact us directly at 082 - 319101 / 319201 for any inquiries.

(ii) Logging Operation matters:

- a) Applications for Log Production Identity (LPI) range, pre-felling, PEC operation 5, Post Logging Block Inspection (PLBI) and Place of Royalty Marking (PoRM) and Permit to Enter Coupe (PEC) can be done at all Regional Forest Offices throughout Sarawak
- b) Applications for Daily Production Return (DPR), Royalty Assessment, Transit Removal Pass (TRP), shut-out logs dan incoming shipment can be done at the nearest One Stop Compliance Center (OSCC)

6. Are the export and import of logs allowed during CMCO?

Yes. The export and import of logs are subjected to the current guidelines by government agencies such as Forest Department Sarawak, Sarawak Timber Industry Development Corporation (STIDC) and Royal Malaysian Customs Department as well as other relevant approved guidelines.

7. What precautions should be taken at forestry operation areas?

Operational precautions:

- i. Health screening for visitors;
 - a. Limit the number of visitors to operation areas and with necessity only.
 - b. Visitors must have their body temperatures taken with non-contact thermometers and checked for Covid-19 symptoms.
- ii. Visitors with Covid-19 symptoms are not allowed into the operation areas. Health reports (at premises and employee accommodations provided by companies);
 - a. Report to nearest divisional health offices if there are more than 5% of total employees absent to work due to fever or other symptoms.
 - b. Employees with body temperature more than 37.5° Celsius are required to be referred to the nearest panel clinic or health clinic (*klinik kesihatan*).
 - c. The above employee is not allowed into company premises.

8. What precautions should be taken by the timber operation sectors?

- i. Disease Prevention and Restrictive Protocols;
Employers have to provide protocols in work place, which includes supervision of disease and the prevention of spreading adhering to the guidelines by Ministry of Health Malaysia.
- ii. Health Screening;
 - a. Provide no-contact thermometers or thermal scanners.
 - b. Conduct screening to detect Covid-19 symptoms such as fever, cough and difficulty breathing every day.
 - c. Screening needs to be done at office/premise entrances every day.
- iii. Health Report (at premises and employee accommodations provided by companies);
 - a. Report to nearest divisional health offices if there are more than 5% of total employees absent to work due to fever or other symptoms.
 - b. Employees with body temperature more than 37.5° Celsius are required to be referred to the nearest panel clinic or health clinic (*klinik kesihatan*).
 - c. The above employee is not allowed into company premises

9. What actions will be taken if licensees violate CMCO?

The State Government would like to iterate that the ease of MCO can be cancelled and taken back if the guidelines and terms are not followed by licensees.

10. Who should I contact for further inquiries?

Please contact the Corporate and Public Affairs Unit of Forest Department Sarawak at 082-319158 or 082-442180 (operator) from 8am until 5pm.

Notes:

- 1) *It is all relevant parties' joint responsibility to understand and comply with the Malaysian National Security Council (NSC)'s guidelines and Ministry of Health's (MOH) Covid-19 prevention SOP to reduce the risk and spread of the pandemic.*
- 2) *Any changes in line with updates from NSC and MOH will be notified from time to time.*

**FOREST DEPARTMENT SARAWAK
12TH MAY 2020**